

**Latihan Bahasa Malaysia (tatabahasa)**

**Nama :**

**Tingkatan :**

**Jawab semua soalan di bawah dengan teliti.**

**Kata Adjektif Pancaindera**

1. Tanpa memperdulikan rasa \_\_\_\_\_ air perigi, Fernandes minum kerana haus .  
**A** tawar                    **B** payau  
**C** kelat                    **D** pahit
2. Kebanyakan pelajar berasa tidak selesa di kelas selepas latihan jasmani kerana badan mereka berbau \_\_\_\_\_.  
**A** cengis                    **B** hamis  
**C** hanyir                    **D** hapak
3. Bunyi biola yang \_\_\_\_\_ itu memukau setiap pengunjung di situ.  
**A** merdu                    **B** mersik  
**C** serak                    **D** nyaring
4. Ahli-ahli pengakap itu \_\_\_\_\_ berpakaian seragam ketika menyertai perbarisan.  
**A** tampan                    **B** ayu  
**C** segak                    **D** anggun
5. Permukaan kuih apam yang \_\_\_\_\_ itu mengundang selera kepada peminatnya.  
**A** lembut                    **B** licin  
**C** kasar                    **D** gebu
6. Neymar berasa \_\_\_\_\_ apabila tidak mandi seharian kerana terlalu sibuk bekerja.  
**A** selesa                    **B** rimas  
**C** celaru                    **D** tenang

7. Messi tidak gemar bau \_\_\_\_\_ daripada beg plastik yang berisi minyak masak itu.  
**A** haring                    **B** hangit  
**C** hancing                    **D** tengik
8. Dia tidak pasti identiti lelaki itu kerana \_\_\_\_\_ wajahnya diselubungi kabus pagi.  
**A** suram                    **B** kabur  
**C** silau                    **D** berbalam-balam
9. Ronaldo mencari punca suara yang \_\_\_\_\_ kedengaran di belakang rumahnya.  
**A** desir                    **B** desas  
**C** sayup                    **D** sunyi
10. Rashford terjaga apabila suara \_\_\_\_\_ datuknya yang mengejutnya daripada tidur walaupun tidaklah kuat.  
**A** lembut                    **B** garau  
**C** manja                    **D** kasar
11. Akibat terlalu banyak makan nanas kerana meraikan kemenangan pasukannya, lidah Mbappe menjadi \_\_\_\_\_.  
**A** perit                    **B** masam  
**C** lidas                    **D** pedas
12. Rambut Kane menjadi \_\_\_\_\_ kerana tiga hari tidak mandi akibat keputusan bekalan air.  
**A** kejur                    **B** panjang  
**C** kusut                    **D** keras

**Latihan Tamat**  
**Selamat Maju Jaya**  
**Cikgu Norhairie Nordin**